

OGOS 2016

Pengantin

RUJUKAN LENGKAP BAKAL MEMPELAI

INJEKSI KREATIF
DEKORASI
RONA ALAM

SEM. M'SIA RM14.90
HARGA TERMASUK GST
ISSN 1675-0500



TIP Mencari JODOH
DILEMA CALON
TAK KUNJUNG TIBA

GAYA LILITAN
HIJAB NIKAH
2 DALAM 1

hati
SITI SALEHA
TELAH DICURI

678
RAIKAN
Mahligai
SEDINGIN SALJU
IDEA MEMPELAI TAMPIL ANGGUN DARI A-Z

PERCUMA BUKU KHAS : HANTARAN & KRAF BERTEMAKAN KLASIK





Keindahan keseluruhan kawasan *suites* Philea Resort and Spa, Melaka.



Suite ini juga menawarkan pemandangan kolam renang dan air terjun yang disimbahi kehijauan tumbuhan alam sekitarnya. Seperti namanya, *Royal Villa* sudah pasti hadir dengan sempurnanya menerusi dekorasi serta kemudahan yang dimiliki di setiap pelokok vila ini. Sensasi menerusi ruang dalam dan luarnya menjadikan pengalaman raja sehari anda bukan lagi fantasi kisah dongeng.

KELENGKAPAN TERSEDIA

Tidak cukup sepenuhnya kunjungan ke vila ini tanpa menikmati seleksi hidangan istimewa yang ditawarkan. Buat yang hadir, pelbagai jenis masakan dan hidangan disediakan bagi memenuhi cita rasa masyarakat yang pelbagai termasuklah *Cravo Cravo* iaitu restoran utama di *resort* ini yang berpaksikan makanan hebat Asia dalam suasana yang kontemporari dan santai. *Bayu Canaba* yang terletak di tepi sungai pastinya lebih santai kala menghirup koktel serta *Chillout Bar* yang menawarkan pilihan juadah lebih eksklusif buat pengunjung luar.

Philea Resort and Spa, Melaka juga turut menawarkan kemudahan ruang mesyuarat komprehensif berkonsepkan tumbuhan hijau agar perjumpaan yang dijalankan berlangsung dalam keadaan menyenangkan. Dapat memuatkan sehingga 600 orang tetamu dalam satu masa, dewan utama *resort* yang serba lengkap ini pastinya menjadi lokasi terbaik untuk melaksanakan aktiviti berkumpulan, acara keraian serta majlis tertutup sambil dikelilingi dengan hampan kehijauan alam.

Oleh kerana kedudukannya yang strategik dengan pusat pelancongan, pengunjung yang memilih *resort* ini sebagai lokasi inapan dapat berkunjung ke beberapa buah lokasi menarik di sekitarnya seperti Taman Rama-Rama, Zoo Melaka, taman budaya, Mini Malaysia dan pelbagai lagi. Kemudahan seperti kolam renang, spa, gimnasium, bilik sauna, bilik karaoke dan bilik permainan kanak-kanak antara perkara yang wajib dinikmati kala mengunjungi *resort* ini. Pastinya kunjungan bulan madu anda ke sini meninggalkan memori indah yang cukup mendamaikan.



Pavillion Room yang luas dan selesa.



Philea Suite menggamit kedamaian.





TEKS: ANUAROL RIZWANI ANWAR FOTO: PHILEA RESORT AND SPA, MELAKA



Philea Resort And Spa

TERATAK CINTA SEMPURNA

Kehijauan alam yang mengelilingi sekitarnya menjadikan ia antara pilihan percutian bulan madu khususnya buat pasangan yang ingin memateri keagungan cinta bersama. Lupa seketika akan gahnya timbunan konkrit yang tumbuh bak cendawan tatkala langkah yang diatur ke sebuah destinasi percutian yang dilimpahi kekayaan hasil semula jadi sebagai tarikan utama teratak ini. Persinggahan di Philea Resort and Spa, Melaka bakal melakarkan percutian bulan madu yang tiada tandingnya akan pengalaman yang disajikan dalam setiap kunjungan.

Terletak di kawasan tarikan utama pelancong iaitu Ayer Keroh, Philea Resort and Spa, Melaka dicipta penuh dengan keunikannya yang tersendiri dengan keluasan 15 ekar. Ia dibina sepenuhnya menggunakan sumber semula jadi buatan Malaysia, lantas menjadikan ia antara *resort* yang telah memenangi anugerah lima bintang. Menariknya, lebih 3000 tumbuhan hijau melatari sekeliling *resort* mewah ini bagi memelihara sumber semula jadi termasuklah air terjun buatan sendiri untuk menyuntikkan cita rasa penuh kesegaran.

PANORAMA ALA KAMPUNG

Tiga jenis bilik yang dimiliki *resort* dalam taman ini pastinya menjadi pilihan untuk diinapi oleh pengunjung yang hadir untuk merasai sendiri pengalaman menakjubkan di sini. Apa yang menarik, kesemua 201 buah bilik dibina daripada kayu balak pain bagi menghidupkan suasana ala kampung yang melengkapkan panorama indah ini termasuklah 180 unit bilik terdiri daripada *Pavillion Room*, 19 unit *Philea Suites* dan dua unit *Royal Villas*. Setiap bilik turut dilengkapi dengan kemudahan Internet secara percuma, televisyen, mini pantri serta perabot asas untuk kemudahan pengunjung.

Pavillion Room menampilkan beranda pada bahagian bilik bawahnya manakala pada bahagian bilik atasnya pula memiliki balkoni peribadi yang berlatarkan pemandangan landskap hutan yang menghijau. *Philea Suite* pula memiliki ruangan binaan yang lebih luas dan dilengkapi dengan tab mandi pada bahagian tengahnya, sesuai buat anda dan pasangan yang ingin menenangkan fikiran di tengah kedamaian alam.



Ruang luar Philea Suites.

